



## DEWAN BANDARAYA KUCHING UTARA (Jawatan Kosong)

Pemohonan dipelawa daripada Warganegara Malaysia yang bermastautin di Sarawak dan mempunyai kelayakan untuk mengisi jawatan berikut:

### Bil. Iklan: DBKU/5/2019

- 1 a) **Jawatan:** Arkitek J41  
b) **Jabatan:** Dewan Bandaraya Kuching Utara  
c) **Kumpulan Perkhidmatan:** Pengurusan dan Profesional  
d) **Klasifikasi Perkhidmatan:** Perkhidmatan Kejuruteraan  
e) **Bahagian Yang Memerlukan:** Bahagian Bangunan

### 2. **Jadual Gaji Arkitek Gred J41:-**

**Gaji Minimum**  
RM 2,529.00

**Gaji Maksimum**  
RM 9,643.00

### 3. **Skop Tugas Utama**

Merancang, mereka bentuk bangunan baru, menerima dan mengkaji ringkasan projek (*project's brief*) melawat tapak projek, menyediakan lukisan, lakaran reka bentuk (*sketch drawings*) reka bentuk terperinci, lukisan kerja (*working drawings*) dan penentuan (*specifications*)

### 4. **Syarat Lantikan:**

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- a) Warganegara Malaysia;
- b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
- c) Ijazah Sarjana Muda Seni Bina yang diiktiraf oleh kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;  
[Gaji permulaan ialah pada : RM 2,736.28] dan
- d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan

**Taraf Jawatan : Kontrak**

### 5. **Kenaikan Pangkat Ke Gred J44 Bagi Lantikan Tetap**

Pemohonan daripada Arkitek Gred J41 dari kalangan kakitangan awam adalah layak dipertimbangkan bagi kenaikan pangkat ke jawatan Arkitek Gred J44 yang kosong sekiranya telah :

- (a) Disahkan dalam perkhidmatan
- (b) Mencapai tahap prestasi yang ditetapkan
- (c) Memenuhi kompetensi dan potensi yang ditetapkan; dan
- (d) Diperakukan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan.

**Taraf Jawatan : Tetap**

### **Cara Memohon:**

Calon yang berminat dan memenuhi syarat-syarat seperti pada para (4) atau (5), **adalah dipelawa untuk menghantar permohonan dengan menulis surat yang mengandungi butir-butir peribadi, kelayakan akademik, pengalaman kerja beserta sijil-sijil yang telah disahkan dan sekeping gambar berukuran pasport (tidak dikembalikan) kepada:-**

**Bahagian Pengurusan Sumber Manusia**

**Dewan Bandaraya Kuching Utara**

**Tingkat 3, Bangunan DBKU**

**Bukit Siol, Jalan Semariang**

**Petra Jaya, 93050 Kuching**

Pemohon daripada kakitangan kerajaan hendaklah mengemukakan permohonan melalui Ketua Jabatan masing-masing berserta dengan perkara berikut:-

- a) Laporan Sulit
- b) Laporan Penilaian Prestasi bagi tiga (3) tahun terakhir
- c) Salinan Kenyataan Perkhidmatan

**Tarikh Tutup Permohonan : 10 Januari 2020**

### **Catatan Am:**

- (i) Permohonan yang tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan dan tidak memberi maklumat dengan lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- (ii) Hanya calon-calon yang layak selepas disenaraitapis sahaja yang akan dipanggil untuk temuduga.
- (iii) Pemohon-pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas tiga (3) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.